

USM terus berinovasi tingkat mutu pendidikan sepanjang hayat

Dr Mohd Faiz Hilmi - Jun 14, 2022 @ 11:00am



Universiti Sains Malaysia (USM).

Masyarakat sering bertanya apakah sumbangan universiti dalam memenuhi aspirasi dan agenda pendidikan sepanjang hayat negara?

Universiti sudah dikenali sebagai institusi yang mendidik anak muda mengikuti ijazah sarjana muda. Namun, kurang diketahui umum ialah peluang pendidikan sepanjang hayat. Peluang itu disediakan oleh universiti di negara ini untuk masyarakat menimba ilmu dalam pelbagai bidang.

Hari ini terdapat beberapa institusi pengajian tinggi yang menawarkan program pendidikan sepanjang hayat di Malaysia. Pendidikan sepanjang hayat di Malaysia bermula apabila Universiti Sains Malaysia (USM) memulakan program luar kampus pada sesi Mei 1971.

Pada awal kewujudannya, rancangan pendidikan jarak jauh (RPJJ) USM ditawarkan untuk memberi peluang golongan dewasa bekerja dan tidak berpeluang melanjutkan pelajaran mereka hingga ke peringkat ijazah sarjana muda. Justeru, golongan ini berpeluang mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka menerusi RPJJ.

Hari ini pelajar RPJJ USM terdiri daripada pelbagai latar belakang, termasuk golongan profesional yang sudah memiliki ijazah sarjana muda. Mereka menyambung pengajian demi ilmu pengetahuan, memenuhi aspirasi pendidikan sepanjang hayat.

Bermula dengan kumpulan pertama seramai 55 pelajar yang mendaftar untuk Program Ilmu Kemanusiaan dan Sains Kemasyarakatan pada 1971, kemasukan terkini membabitkan ratusan pelajar yang mengikuti empat program iaitu Sains, Sastera, Sains Kemasyarakatan dan Pengurusan.

Sesi pembelajaran menggunakan pelbagai medium seperti modul kendiri, kaset audio, kaset video, cakera padat, telesidang audigrafik, audio, video dan kelas bersemuka dalam talian. Pelajar pada era 80-an mengikuti kuliah melalui slot siaran radio luar kampus. Antaranya, rancangan Dari Menara Gading yang disiarkan melalui Radio 1 RTM setiap Ahad malam amat dinantikan pelajar RPJJ USM pada masa itu.

Hari ini, pelajar RPJJ USM mengikuti kuliah bersemuka dalam talian dan berinteraksi dengan pensyarah dan sesama pelajar melalui pelbagai aplikasi.

Bertepatan dengan motto 'Kami Memimpin', langkah berani USM pada 1971 yang menongkah arus untuk memperkenalkan RPJJ yang kemudiannya menjadi ikutan. Kini, hampir semua institusi pengajian tinggi awam dan swasta di Malaysia menawarkan program pengajian jarak jauh atau luar kampus.

Sepanjang 50 tahun kewujudan, Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh (PPPJJ) adalah perintis jalan yang wajar dikagumi. Semestinya PPPJJ sudah melalui pelbagai perubahan dan penambahbaikan.

Setiap daripada perubahan dan penambahbaikan yang berlaku penuh disulami dengan kisah suka dan duka. Namun apa yang pasti, PPPJJ USM akan terus berinovasi dalam menawarkan peluang pendidikan sepanjang hayat yang berkualiti di Malaysia.

Menuju masa hadapan yang lebih gemilang, perubahan pasti perlu dilakukan. Inovasi kreatif dan di luar kotak minda perlu diteruskan.

Seperti yang digarap dalam buku mewah sempena sambutan 40 tahun PPPJJ, transformasi minda untuk berubah perlu dilakukan jika kecemerlangan ingin dicapai walaupun ia bukan sesuatu yang mudah dan mengambil masa panjang'. Selamat menjangkau dewasa 50 tahun PPPJJ! Semoga kekal relevan untuk 50 tahun lagi.

Universiti Sains Malaysia